



PRAKATA

KETUA SETIAUSAHA

KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN



بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam Malaysia MADANI.



Alhamdulillah, segala puji bagi Allah, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (PLANMalaysia) telah berjaya menghasilkan Pelan Induk Bersepadu Guna Tanah Laluun Rel Pantai Timur (*East Coast Rail Link – ECRL*) atau dikenali sebagai PeGtaECRL. Pelan Induk ini diluluskan dalam Mesyuarat Majlis Perancang Fizikal Negara (MPFN) Ke-42 Bilangan 2 Tahun 2023 pada 18 September 2023 yang bertujuan untuk mengoptimumkan potensi projek yang merentasi pentadbiran Pihak Berkusa Tempatan (PBT) di empat (4) buah negeri berkaitan iaitu Kelantan, Terengganu, Pahang dan Selangor.

Dokumen ini penting sebagai panduan kepada agensi-agensi berkepentingan termasuk pelabur daripada pihak swasta dan industri supaya dapat menjadi penggerak pertumbuhan wilayah dalam memperkuuh kawasan pertumbuhan negara sehingga ke peringkat antarabangsa.

Selain itu, PeGtaECRL berperanan sebagai pelan induk guna tanah bersepadu di peringkat wilayah yang pertama seumpamanya di Malaysia bagi projek pengangkutan rel berkepentingan negara serta memberi perkhidmatan rentas wilayah yang pantas. Ia merangkumi perancangan guna tanah yang komprehensif bagi kawasan koridor ECRL sepanjang 665 kilometer dan 20 stesen dari Pantai Timur ke Pantai Barat Semenanjung Malaysia.

PeGtaECRL bukan sahaja akan menjadi dokumen dan pelan perancangan bagi menyelaras pembangunan ECRL dan kawasan tadahan perkhidmatannya, tetapi ia juga dapat memastikan potensi ECRL dapat dieksplotasi secara optimum dan bermanfaat. Pelan Induk ini secara tidak langsung akan turut dijadikan sebagai rujukan oleh pelabur-pelabur yang berpotensi melalui Kerjasama dengan agensi berkepentingan khususnya *Malaysian Investment Development Authority (MIDA)* bagi tujuan pemanduan perancangan pelaburan.

Di kesempatan ini, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan di atas penerbitan PeGtaECRL yang telah menerima penganugerahan antarabangsa *The International Society of City and Regional Planners (ISOCARP) Award for Excellence* pada Oktober 2022 di Brussel, Belgium.

Ucapan tahniah juga dirakamkan buat PLANMalaysia atas pengiktirafan dan penerbitan PeGtaECRL sebagai platform penyelaras dalam penyediaan pelan pembangunan dan perancangan tanah serta aspek berkaitan dalam jajaran ECRL yang dibangunkan. Insya-Allah, mudah-mudahan dengan kerjasama yang diberikan oleh semua pihak, ianya akan dapat menggerakkan ke arah satu pembangunan wilayah dan perubahan guna tanah yang mampan pada masa hadapan.

Sekian, terima kasih.

DATUK WIRA M NOOR AZMAN BIN TAIB

Ketua Setiausaha

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT)
Putrajaya



KATA ALUAN

KETUA PENGARAH PERANCANGAN BANDAR DAN DESA



بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam Malaysia MADANI.



Pelan Induk Bersepadu Guna Tanah Laluan Rel Pantai Timur

Pembangunan projek *East Coast Rail Link* (ECRL) akan membuka peluang ekonomi yang sangat besar dan potensi pelaburan yang sangat signifikan kepada negara kerana ia merupakan komponen perhubungan darat antara pintu masuk utama negara yang akan meningkatkan ketersambungan koridor Wilayah Pantai Barat dan Pantai Timur. Justeru, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (PLANMalaysia) telah mengambil inisiatif menyediakan Pelan Induk Bersepadu Guna Tanah Laluan Rel Pantai Timur atau dirujuk sebagai PeGtaECRL bertujuan untuk memastikan penyalarasan dalam merancang dan mengawal pembangunan di kawasan tadahan ECRL agar matlamat dan hala tuju pembangunan yang dirancang dapat dicapai.

Oleh itu, tema yang difokuskan dalam penyediaan pelan induk ini adalah "PeGtaECRL Penggerak Pembangunan Wilayah Ke Arah Perubahan Guna Tanah Mampan", di mana ia merupakan pelan induk berkepentingan nasional yang telah disediakan bermula dari tahun 2021 dan siap sepenuhnya pada tahun 2022 di bawah Rancangan Malaysia Ke-12 bagi tempoh perancangan sehingga tahun 2040. Pelan induk ini mempunyai keunikan dan keistimewaan tersendiri kerana ia merupakan pelan induk guna tanah bersepadu di peringkat wilayah yang pertama seumpamanya di Malaysia bagi rangkaian kereta api laju (*fast train*) dan infrastruktur pengangkutan mega.

Penyediaan PeGtaECRL diharap dapat mengoptimumkan potensi ECRL untuk menjadi penggerak pertumbuhan wilayah dan memperkuatkannya kawasan pertumbuhan negara di peringkat antarabangsa. Terdapat 3 teras perancangan, 12 strategi, 21 tindakan, 69 perincian dan 14 pemboleh daya utama yang telah digariskan dalam pelan induk ini untuk dilaksanakan dalam memastikan pembangunan di sekitar stesen ECRL dirancang bagi menyokong perkhidmatan pengangkutan rel serta mewujudkan peluang pelaburan dan perancangan guna tanah yang lebih efektif.

Dari segi pelaksanaan, PeGtaECRL merupakan pelan induk yang memberi tumpuan kepada penerapan pembangunan berkonsepkan *Transit Oriented Development* (TOD) di dalam radius 400 meter sehingga 1.5 kilometer, kawasan perancangan di dalam radius 5 kilometer dan kawasan tadahan di dalam lingkungan radius 15 kilometer. Disamping itu, ia juga memperkenalkan perancangan guna tanah yang

berkonsepkan *Cargo Oriented Development* (COD) di sekitar stesen ECRL berkaitan bagi menyokong aktiviti perindustrian dan logistik

PeGtaECRL merupakan salah satu usaha kerajaan untuk memberikan kontribusi yang sangat signifikan kepada pertumbuhan ekonomi dan peluang pelaburan, khususnya bagi Wilayah Pantai Timur Semenanjung Malaysia terutamanya dalam pelbagai sektor seperti pembangunan wilayah dan sosioekonomi, kesalinghubungan, mobiliti dan aksesibiliti, infrastruktur dan utiliti, pelancongan, pelaburan antarabangsa, pembinaan dan lain-lain. Penyediaan pelan induk ini telah disesuaikan dengan pendekatan yang digariskan dalam RMKe-12 bagi memulihkan dan memangkin pembangunan ekonomi di Wilayah Pantai Timur dengan penambahbaikan perhubungan antara kawasan bandar dan luar bandar serta ketersambungan dan mobiliti bagi memupuk integrasi ekonomi wilayah.

Dikesempatan ini, saya menzahirkan ucapan penghargaan dan terima kasih kepada semua agensi di peringkat Persekutuan, Negeri, tempatan, badan berkanun dan sektor swasta yang telah menyumbang idea dan memberi kerjasama aktif sepanjang proses penyediaan PeGtaECRL. Banyak sesi libat urus dan perbincangan telah dilaksanakan dengan pelbagai pihak berkepentingan bagi memastikan cadangan strategi dan tindakan yang digariskan dalam pelan induk ini dapat dilaksanakan.

PLANMalaysia mengalu-alukan kerjasama dan sentiasa komited untuk menjalin hubungan strategik dengan mananya pihak berkepentingan dalam menterjemah dan melaksanakan pelan induk ini. Saya percaya melalui komitmen, tanggungjawab, akauntabiliti dan keupayaan oleh semua pihak yang terlibat mampu untuk menentukan kejayaan pelaksanaan pelan induk ini pada masa hadapan.

Akhir kata, usaha sama antara agensi adalah penting supaya matlamat pembangunan PeGtaECRL dapat dicapai dan bertindak sebagai dokumen utama untuk memandu perancangan dan pelaburan di sepanjang jajaran dan sekitar stesen ECRL.

Sekian, terima kasih.



TPr DR. ALIAS BIN RAMELI

Ketua Pengarah Perancangan Bandar dan Desa
Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (PLANMalaysia)
Putrajaya